



PARTI KEADILAN RAKYAT



Ibu Pejabat Parti

Parti Keadilan Rakyat

A-1-09, Merchant Square

No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1

47410 Petaling Jaya

TELEFON: +603 7885 0530

FAKS: +603 7885 0531

E-MAIL: ibupejabat@keadilanrakyat.org

LAMAN WEB: www.keadilanrakyat.org

RUJUKAN KAMI : PSTR2011/017

RUJUKAN ANDA : -

TARIKH : 8 Disember 2011

Saudara Khairy Jamaluddin Abu Bakar

Ketua Pemuda UMNO

Tingkat 28,

Menara Dato' Onn

Jalan Tun Ismail

50480 Kuala Lumpur.

MELALUI:

Faks : 03 4044 2199

Email : kj@pemuda.com.my

Pos Ekspres

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Saudara Khairy

JEMPUTAN DEBAT SKANDAL NFC

Saya ucapkan terima kasih di atas jawapan bertulis Pergerakan Pemuda UMNO bertarikh 6 Disember 2012 mengenai perkara di atas.

Memandangkan jadual Saudara yang ketat, **saya sudi menawarkan mana-mana tarikh di dalam tahun 2011 atau 2012 untuk melangsungkan debat tersebut. Saudara hanya perlu memilih satu tarikh dan saya akan berikan sepenuh komitmen untuk hadir**, lagi pun masa beberapa jam adalah tidak seberapa berbanding dengan kepentingan rakyat yang mahukan jalan penyelesaian segera kepada skandal NFC yang berlarutan ini.

Untuk memudahkan Saudara hadir dan melicinkan penganjuran debat tersebut, saya juga mencadangkan supaya ia diadakan di PWTC agar ia lebih selesa bagi pihak Saudara.

Saya percaya kelonggaran masa dan tempat ini memberikan sepenuh peluang dan ruang kepada Saudara untuk mengotakkan janji Saudara berdebat mempertahankan rekod NFC dan UMNO.

Walau bagaimana pun, **sekiranya saya masih belum mendapat satu tarikh dari Saudara atau pihak Pergerakan Pemuda UMNO menjelang 12 tengahari 12 Disember ini (12 tengahari, 12/12), saya dan seluruh rakyat Malaysia bolehlah menyimpulkan bahawa Saudara dan Pergerakan Pemuda UMNO tidak berminat dan tidak berani untuk berdebat mengenai skandal NFC.**


Oleh yang demikian, jika saya masih belum mendapat jawapan dari Saudara menjelang 12 tengahari, 12/12 ini, maka KEADILAN akan meneruskan juga satu majlis debat membongkar penyelewengan NFC pada 19 Disember 2012 ini. Jika Saudara berubah fikiran menjelang tarikh tersebut, bolehlah Saudara hadir untuk mempertahankan rekod integriti pimpinan UMNO.

Seperti yang saya telah maklumkan kepada Saudara sebelum ini, skandal NFC akan menjadi skandal besar negara yang mempunyai kesan berpanjangan. Adalah lebih baik sekiranya Saudara meluangkan sedikit masa untuk berdepan dengan rakyat pada kala rakyat semakin mual dengan pendedahan demi pendedahan yang dibuat.

Sekian, wassalam.

DEMI RAKYAT

Yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Rafizi Ramli". The signature is fluid and cursive, with a large initial 'M' and 'R' and a smaller 'D' at the beginning.

MOHD RAFIZI RAMLI

Pengarah Strategi